

Bahaya ambil mudah persepsi rakyat

66

Kuasa
Kata

ABDUL
MUEIN ASADI



Kerajaan Pakatan Harapan (PH) kini baru berusia sekitar 60 hari. Walau bagaimanapun, sebahagian ahli politik yang menerajui PH bukanlah individu yang tidak berpengalaman sama sekali dalam menjawat posisi pentadbiran utama negara sebelum ini.

Namun demikian, terdapat beberapa isu berbangkit yang seharusnya tidak diambil mudah dan perlu direnungkan secara mendalam oleh kesemua pihak tertinggi dalam pentadbiran negara ketika ini: isu pengurusan persepsi.

Terdapat sekurang-kurangnya tiga dimensi pengurusan persepsi yang perlu diberi perhatian. Pertama ialah pengurusan persepsi berhubung janji manifesto PH. Kedua ialah pengurusan persepsi berhubung percakapan dalaman sesama pemimpin PH. Ketiga dan terakhir ialah pengurusan persepsi tentang pemeliharaan institusi raja-

raja Melayu, agama Islam, dan bahasa Melayu.

Sukar untuk menafikan bahawa tempoh hampir 60 hari pertama pentadbiran kerajaan PH ketika ini dibayangi persepsi kegagalan kerajaan menunaikan janji mereka dalam manifesto PRU14 yang lalu.

Paling kencang tentulah persepsi terhadap janji PH yang berkait dengan kos sara hidup seperti janji memansuhkan tol, janji subsidi petrol bersasar, janji penangguhan pembayaran balik pinjaman PTPTN.

Demikian juga janji lain yang meskipun tidak bersifat ekonomi namun tetap menjadi perhatian rakyat seperti isu 30 peratus anggota Kabinet wanita dan janji pemansuhan Biro Tatanegara.

Isunya di sini ialah kaedah pengurusan persepsi kerajaan PH berkenaan janji yang masih belum mampu mereka penuhi. Dalam arena gelanggang politik demokrasi, pihak yang menguasai persepsi akan berkuasa.

Perlu ditegaskan bahawa kerajaan PH perlu lebih serius dalam memerangi persepsi bahawa me-

reka sengaja untuk tidak menunaikan janji-janji mereka dalam PRU14 yang lalu.

Tunjukkan dengan segala data dan fakta yang jelas dan terperinci akan situasi kewangan negara yang tidak mengizinkan segala janji berkenaan tidak dapat ditunaikan, tidak cukup sekadar membuat kenyataan media dan mengulangi skrip menyalahkan kerajaan BN terdahulu.

Satu lagi kelemahan besar kerajaan PH hari ini ialah pengurusan persepsi berhubung percakapan secara terbuka sesama pemimpin parti dalam PH.

Antara deretan isu yang terkini ialah isu tekanan besar DAP Perak memaksa YB Ngeh Koo Ham dilantik menjadi Speaker Dun mengetepikan YB Siti Aisyah dari PKR, isu Ketua Pemuda DAP Perak Wong Kah Koh menghentam pemilihan anggota Kabinet oleh Tun Dr Mahathir secara terbuka.

Isu kritikan Rafizi Ramli kepada kerajaan berhubung kenaikan tarif elektrik dan pelantikan ahli Kabinet, isu kritikan Anwar Ibrahim ke atas pendekatan ala-detektif Lim Guan Eng, dan pelbagai percakapan lagi.

Tentu sekali kerajaan PH hari ini berbeza dari segi komponennya berbanding kerajaan BN dahulu. Kali ini, Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM) yang diketuai Tun Dr Mahathir tidak menguasai jumlah kerusi yang besar seperti mana Umno yang menerajui BN.

Sebaliknya, Parti Keadilan Rakyat (PKR) yang memiliki senarai ahli Parlimen Pakatan paling ramai dan diikuti DAP. Maka pastilah terdapat sebegitu banyak tuntutan dan rundingan tawar-menawar yang berlaku pada fasa awal pembentukan kerajaan dan pembuatan dasar negara bagi mengimbangi kepentingan setiap parti.

Namun eloklah kiranya sebarang ketidakpuasan hati tidak dituahkan secara negatif secara terbuka kerana imej perpecahan akan mengimpak keyakinan rakyat sekiranya diteruskan dalam jangka masa panjang.

Masalah pengurusan persepsi ketiga dan yang paling kontroversi tentulah berkenaan tentang pemeliharaan institusi raja-raja Melayu, agama Islam, dan bahasa Melayu.

Pendedahan Abdul Kadir Jasin

tentang jumlah perbelanjaan Yang di-Pertuan Agong (YDPA), isu hangat pelantikan Peguam Negara Tommy Thomas, isu kenyataan rasmi Menteri Kewangan yang diterjemah ke bahasa Mandarin, isu Syiah, ura-ura hubungan tegang Istana dengan Putrajaya yang cuba dikendalikan Anwar Ibrahim, kesemua ini mengundang keresahan dalam kalangan umat Islam di negara ini.

Perlu diingat bahawa Umno masih menguasai kerusi Melayu terbanyak di Parlimen dengan sekitar 51 kerusi. Sekiranya langkah drastik tidak diambil segera bagi menunjukkan kerajaan PH hari ini mampu menjadi pelindung kesemua teras Melayu-Islam ini, tidak mustahil Umno bakal merampas sokongan di kerusi-kerusi Melayu yang kini dikuasai PH - yang lebih dari cukup untuk mengembalikan mereka ke tampuk kuasa.

* Penulis ialah Pensyarah Program Sains Politik Universiti Kebangsaan Malaysia